

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RME 458 Pengurusan Harta

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Setiap ahli di dalam sesuatu organisasi tidak perlu bertanya, "Apa yang perlu saya buat?" atau meragui sama ada beliau telah membuat kerja dengan betul, sebab pada akhirnya, satu-satu alat pengurusan yang kita miliki ialah mereka yang bekerja sekeliling kita.

Berpandukan pernyataan di atas bincangkan kaitan pengurusan harta dengan teori pengurusan yang ada.

(20 Markah)

2. Undang-undang mengharapkan satu standard berjaga-jaga diberikan kepada mereka semasa berada di sesuatu premis.

Apakah faktor-faktor yang membuat standard berjaga-jaga ini berbeza dan nyatakan juga jenis-jenis standard berjaga-jaga yang ada?

(20 Markah)

3. (a) Apakah yang dianggap sebagai kemungkiran syarat di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan juga kesannya terhadap pajakan itu?

Huraikan jawapan anda berpandukan kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah.

- (b) Di dalam perjanjian pajakan terdapat syarat nyata dan syarat yang tersirat. Berikan penjelasan tentang perbezaan syarat-syarat ini, cara bagaimana ianya beroperasi dan cara mengelakkan percanggahan.

(20 Markah)

...2/-

4. Di dalam pengurusan senggaraan terdapat beberapa jenis senggaraan.

Nyatakan jenis-jenis senggaraan yang ada, pertalian antara mereka, faktor-faktor yang mempengaruhi pertalian ini dan berikan contoh-contoh untuk setiap jenis.

(20 Markah)

5. Fungsi pengurusan senggaraan bersifat teknikal yang mempunyai kaitan dengan perancangan dan kawalan sumber pembinaan untuk memastikan pembaikan dan pembaharuan dijalankan dengan ekonomik dan berkesan.

Huraikan fungsi-fungsi ini dan dengan bantuan gambar rajah terangkan kaitan di antaranya.

(20 Markah)

6. Beban kerja senggaraan bergantung kepada beberapa faktor termasuklah pemilihan bahan-bahan binaan yang sesuai dan rekabentuk yang baik.

Anda dikehendaki memberi penerangan yang jelas tentang peranan kedua-dua faktor di atas di dalam usaha untuk mengurangkan beban kerja senggaraan.

(20 Markah)

7. Berikan takrifan ungkapan-ungkapan berikut mengikut kefahaman anda:

- (a) Penghuni (di dalam konteks tanggungan penghuni).
- (b) Kos untuk organisasi senggaraan.
- (c) Pelawaan tawaran (kontrak)
- (d) Pengekosan kitar hayat

(20 Markah)

-ooo000ooo-